

PENGAJARAN CEPAT IQRA' TERHADAP PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN MURID

[QUICK TEACHING OF IQRA' AGAINST STUDENTS' MASTERY OF AL-QURAN READING]

UMMIE HAZIZAN MD ZUKERY^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: ummiehazizanzukery@gmail.com

Received: 10 July 2023

Accepted: 30 July 2023

Published: 15 August 2023

Abstrak: Setiap umat Islam sedia maklum bahawa al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai petunjuk, panduan dan pedoman yang lengkap serta penuh kesempurnaan dalam mengatur segenap aspek kehidupan manusia. Oleh itu, mempelajari dan menguasai bacaan al-Quran merupakan satu tuntutan yang ditekankan kepada setiap umat Islam. Kertas konsep ini akan membincangkan amalan pengajaran cepat iqra' secara amnya terhadap penguasaan bacaan al-Quran murid dari aspek kaedah pengajaran. Selain itu, kertas konsep ini turut menyetengahkan penguasaan bacaan al-Quran yang melibatkan hukum tajwid dan makhraj huruf hijaiyyah. Kepentingan pengajaran cepat iqra' terhadap penguasaan bacaan al-Quran murid turut dinyatakan dalam kertas konsep ini. Melalui kertas konsep ini, diharapkan dapat memberi solusi dan penambahbaikan kepada guru Pendidikan Islam khususnya dalam usaha mempertingkatkan penguasaan bacaan al-Quran murid bagi melahirkan generasi yang berpegang teguh dan mengamalkan isi kandungan al-Quran.

Kata Kunci: Amalan pengajaran cepat iqra', penguasaan bacaan al-Quran.

Abstract: Every Muslim is well aware that Qur'an is the greatest miracle that was revealed to the Prophet Muhammad, peace be upon him, as a complete and perfect guidance, guide and guidance in regulating all aspects of human life. Therefore, learning and mastering the recitation of the Qur'an is a demand that is emphasized to every Muslim. This concept paper will discuss the practice of quick iqra' teaching in general regarding students' mastery of reciting the Qur'an from the aspect of teaching methods. In addition, this concept paper also highlights the mastery of al-Quran recitation that involves the law of tajwid and the makhraj of hijaiyyah letters. The importance of teaching quick iqra' to students' mastery of reciting the Qur'an is also stated in this concept paper. Through this concept paper, it is hoped to be able to provide solutions and improvements of Islamic Education teachers, especially in an effort to improve students' mastery of reading the Qur'an in order to produce a generation that adheres firmly to and practices the content of the Qur'an.

Keywords: Practice of quick iqra' teaching, mastery of reciting the Quran.

Cite This Article:

Ummie Hazizan Md Zukery & Hafizhah Zulkifli. (2023). Pengajaran Cepat Iqra' Terhadap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid [Quick Teaching of Iqra' Against Students' Mastery of Al-Quran Reading]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(2), 106-114.

PENGENALAN

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui perantaraan malaikat Jibril A.S secara berperingkat sepanjang tempoh kenabian baginda selama 23 tahun (Abdussabur, 2008). Islam menuntut agar umatnya membaca al-Quran dengan tepat dan fasih dan ia dikira sebagai ibadah yang akan dinilai dan dikurniakan ganjaran pahala oleh Allah S.W.T (Mohd Aderi, 2011). Bagi mengekalkan kemuliaan dan kesucian al-Quran, pembacanya perlu membaca al-Quran dengan cara yang betul dari aspek tajwid dan makhrajnya agar pengertian ayat al-Quran yang dibaca tidak terpesong dari maksud sebenar malah dapat membentuk kekuatan akidah dan akhlak individu yang membacanya secara tidak langsung (Syahuri, 2020)

Al-Quran secara etimologinya berasal daripada perkataan *qara'a*, *yaqra'u*, *qiraa'atan* atau *qur'aani* yang membawa maksud mengumpulkan dan menghimpunkan huruf-huruf serta perkataan dari satu bahagian kepada bahagian lain secara tersusun (Mawardi, 2005). Terdapat pelbagai pendapat berkaitan dengan maksud al-Quran. Menurut Al-Safi'i (204H) bahawa al-Quran ditulis dan dibaca tanpa hamzah dan tidak diambil dari perkataan lain. Ia merupakan nama yang khusus yang digunakan untuk kitab suci al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagaimana kitab Injil dan Taurat digunakan secara khusus pada zaman Nabi Musa dan Nabi Isa. Lafaz al-Quran tidak dimasukkan hamzah dan ia diambil dari perkataan '*qara'in*' iaitu jama' dari perkataan '*qarinah*' yang membawa maksud petunjuk (al-Farra, 2017). Hal ini disebabkan ayat al-quran mempunyai persamaan dan saling berkait antara ayat dengan ayat, surah dengan surah yang lain (Ahmad Asmuni, 2017). Al-Quran dan *al-Kitab* adalah nama yang popular berbanding nama yang lain seperti *al-Furqon*, *al-Huda*, *al-Nur* dan sebagainya. Menurut sarjana Islam 'Abdullah Daraz, ia dinamakan al-Quran kerana ia "dibaca" melalui lisan dan dinamakan *al-Kitab* kerana "ditulis" menggunakan pena (Abdullah Darraz, 1980). Al-Quran ialah kalam Allah yang wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim. Penurunan al-Quran diturunkan secara berperingkat dan diterima oleh Rasulullah S.A.W secara *Talaqqi* dan *Musyafahah* daripada malaikat Jibril A.S (Al-Abyari, 1964). Menurut Ibnu Khaldun (2002) dalam kitabnya *Muqaddimah* bahawa benih-benih keimanan dalam diri kanak-kanak dapat dipupuk melalui al-Quran apabila mereka mempelajari dan membacanya.

Menurut kajian Mohd Nur Adzam et al., (2017) sebagaimana yang sedia maklum, penurunan al-Quran di dalam Bahasa Arab, maka sesiapa yang ingin mempelajari dan mendalami al-Quran perlu mempunyai kemahiran membaca teks dalam Bahasa Arab seperti kemahiran mengenal huruf hijaiyyah dan membunyikan huruf tersebut berdasarkan tanda dan baris yang ada pada huruf tersebut. Menurut Aminuddin Khalit (2017) membaca ialah satu kaedah yang menggabungkan beberapa kemahiran seperti kemahiran pengamatan yang diskriminatif iaitu seseorang mampu mengenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf, kemahiran mendengar, kemahiran mengingat dan membezakan bunyi-bunyi secara tepat dan jelas, Selain itu, menyebut bunyi yang dilambangkan oleh huruf, penggabungan penyebutan untuk membentuk perkataan dan mampu memindahkan lambang-lambang yang dibaca itu kepada sistem saraf iaitu otak bagi menterjemah dan memahami apa yang dibaca. Hal ini menunjukkan bahawa penggabungan pelbagai aspek pembelajaran seperti kesesuaian sukatan pelajaran, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dari aspek pedagogi yang bersesuaian, mudah dan berupaya meningkatkan tahap literasi dan motivasi murid diperlukan

dalam proses untuk membina kemahiran membaca yang baik. Oleh itu, penguasaan bacaan iqra' mempunyai kaitan dengan kebolehan individu dalam sesuatu perkara dan penguasaan yang digunakan pengkaji merujuk kepada kemampuan murid untuk menguasai iqra' sebagai kaedah penguasaan al-Quran dengan baik.

AMALAN PENGAJARAN CEPAT IQRA'

Iqra' merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Siti Patonah et al., 2014). Kaedah iqra' ini telah dilaksanakan di semua sekolah kebangsaan termasuklah di kelas pendidikan khas di seluruh Malaysia secara berperingkat bermula pada tahun 2005. Menurut Azmir dan Mohd Azrani (2015) iqra' merupakan kaedah pengajaran yang utama dalam pengajaran al-Quran setelah program j-QAF dilaksanakan di Malaysia. As'ad Humam merupakan penyusun dan pengasas teknik iqra' yang disusun secara berperingkat di dalam enam jilid buku. Keistimewaan teknik iqra' ini ialah murid akan membaca huruf atau kalimah secara terus tanpa mengeja terlebih dahulu. Panduan iqra' pada dasarnya mempunyai enam jilid yang dimulai dengan jilid pertama yang merupakan asas bacaan. Metod ini dianggap metod yang paling mudah, praktikal dan cepat bagi murid yang berkeinginan untuk belajar kerana metod ini memberi penekanan secara langsung kepada kaedah membaca. Iqra' adalah salah satu cara cepat membaca al-Quran di mana ianya bukan sekadar membaca tulisan pada buku. Tujuan utama iqra' ialah memahami isinya, namun untuk memahami isi kandungannya perlu kepada kefahaman terhadap tajuk dari buku tersebut, cara penulisannya dan lain-lain (Abdul Halim & Nurul Izzah, 2018).

Metod iqra' adalah salah satu metod membaca al-Quran yang berfokus kepada latihan membaca (Ma'mun 2018). Menurut Rahmi dan Tabroni (2022) salah satu cara untuk meningkatkan kualiti bacaan al-Quran ialah menggunakan metod iqra' dan setiap pembaca al-Quran tidak terlepas dari menggunakan metod ini. Pendapat ini selari dengan kajian yang dilakukan Munir dan Ashoumi (2019) pengajaran membaca al-Quran menggunakan metod iqra' lebih mudah difahami tetapi akan bertambah menarik jika dipelbagaikan kaedah penyampaian seperti program aplikasi, memasukkan warna dan gambar juga mampu menarik minat murid dan masyarakat untuk mempelajari al-Quran.

Seiring dengan kemajuan teknologi dan perubahan cara pembelajaran, guru Pendidikan Islam mempelbagaikan teknik dan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran iqra'. Modul iqra' khusus dibina menggunakan warna dan gambar bagi menarik minat dan mempercepatkan proses mengingat murid. Penekanan terhadap kaedah dan pendekatan perlu diambil serius oleh guru Pendidikan Islam khususnya dalam pengajaran iqra'. Pendekatan yang dilaksanakan tidak membosankan dan memberatkan murid untuk menguasai pelajaran. Melalui cara ini, murid dapat meningkatkan keyakinan diri, daya ingatan dan kefahaman secara tidak langsung terhadap apa yang dipelajari serta mewujudkan suasana pembelajaran lebih ceria, kondusif dan menyeronokkan (Noornajihan Jaafar, 2018). Penyediaan modul iqra' yang berbentuk warna dan gambar amat sesuai untuk murid kerana menurut kajian Ramlah (2012) murid lebih tertarik dengan kepelbagaian warna dan kefahaman sesuatu konsep dan isi pelajaran dapat dipertingkatkan melalui penggunaan warna dalam pembelajaran murid. Normajidah (2007) turut menyatakan bahawa warna membantu memberikan kelebihan dalam menonjolkan sesuatu maklumat bentuk. Bagi Muhamad Hasan (2010) piramid kadar perolehan sesuatu

pengetahuan menunjukkan bahawa penglihatan mencatatkan peratusan yang dominan iaitu 83 peratus berbanding dengan deria rasa, sentuh, hidu dan pendengaran. Bertepatan dengan kajian yang dilakukan Nur Atiqah Abdul Aziz (2018) keberkesanan pengajaran dan pembelajaran turut disumbangkan oleh bahan pembelajaran yang menarik dan seterusnya berupaya meningkatkan kefahaman murid untuk mengingat dan menguasai isi pelajaran dengan berkesan. Modul iqra' bergambar dan berwarna ini juga memberi impak yang positif dalam proses menguasai iqra' seterusnya menimbulkan minat murid dalam pelajaran. Menurut Azlina Amat (2017) guru berperanan dalam mewujudkan pembelajaran yang kreatif, kritis dan inovatif di dalam bilik darjah mengikut tahap dan kesesuaian murid.

Selain itu, kaedah "murid turus" turut dijadikan sebagai aktiviti pembelajaran dan nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran iqra' (Norsyida et al., 2014). Murid yang menguasai iqra' lebih tinggi akan membantu menyemak bacaan rakan yang kurang penguasaan seterusnya membantu mengurangkan beban guru. Kaedah ini secara tidak langsung membantu daya ingatan dan penguasaan murid yang mahir. Selari dengan kajian yang telah dilaksanakan Norhisam et al., (2019) menyatakan bahawa pembelajaran secara bersemuka secara langsung antara murid dan guru mampu membantu meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran dengan lebih baik.

PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN

Penguasaan membaca membawa erti pemahaman yang ada pada seseorang terhadap bacaan yang dibacanya. Membaca ialah melihat pada tulisan, memahami dan dapat melisankan apa yang tertulis di dalam buku dengan baik (Hasan Anwi, 2007). Antara kemampuan membaca al-Quran ialah mengenal huruf hijaiyyah. Cara menguasai al-Quran yang paling asas ialah wajib mengenal semua huruf hijaiyyah dan dapat melafazkan huruf tersebut dengan jelas ketika membacanya. Penguasaan bacaan al-Quran juga melibatkan kemampuan menguasai ilmu tajwid dengan baik dan tertib mengikut makhrajnya, panjang pendek, dengung atau tidak, irama dan nadanya secara betul dan tartil. Penguasaan menurut Torshen (1997) ia berkaitan dengan pemerolehan tahap prestasi yang mencukupi. Kamus Dewan (2013) mendefinisikan penguasaan sebagai satu perihal menguasai atau menguasai. Concise Oxford English Dictionary (hlm, 425) mendefinisikan penguasaan sebagai pemerolehan yang secukupnya bagi sesuatu subjek melalui penggunaan instrumen yang bersesuaian. Oleh itu, penguasaan mempunyai kaitan rapat dengan kebolehan individu dalam sesuatu perkara.

Selain itu, kemampuan membaca al-Quran ditakrifkan sebagai mampu melafazkan setiap huruf dengan baik dan cakna terhadap perubahan bunyi huruf apabila berlaku penyambungan dengan huruf yang lain (Ahmad Syahir, 2021). Menurut Djalaludin (2012) kemampuan membaca al-Quran dengan baik juga perlu melepasi beberapa tahap yang tertentu iaitu mampu melafazkan huruf dengan baik sesuai dengan makhraj dan sifatnya. Pendedahan huruf hijaiyyah seawal usia kanak-kanak penting kerana huruf-huruf ini yang akan mendasari al-quran. Menurut Ma'rifatul Munjiah (2009) huruf hijaiyyah ialah huruf yang berasal dari kalimah Bahasa Arab iaitu *harf* atau *huruuf*. Huruf Arab juga disebut huruf hijaiyyah. Perkataan *Hijaiyyah* berasal dari kata kerja iaitu *hajja* yang bererti mengeja, menghitung huruf, membaca huruf demi huruf. Sebagaimana yang sedia maklum, al-Quran disusun menggunakan huruf

hijaiyyah dengan makhraj yang berbeza seterusnya menunjukkan bahawa al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab sepenuhnya.

Sebutan huruf hijaiyyah berbaris diatas atau *fathah* sedikit berbeza dengan sebutan huruf hijaiyyah tunggal tanpa baris. Antara huruf-huruf tersebut ialah *Jim* (ج), *Sin* (س) dan *Syin* (ش) dan beberapa huruf yang lain. Melalui pengajaran cepat iqra' terdapat murid yang mampu menyebut dengan betul keseluruhan huruf dan ada segelintir yang perlu diperbetulkan bacaan pada peringkat awal melibatkan huruf (ح, ر, ح, غ, ض, ط). Menurut Ahmad (2011) terdapat kajian terdahulu mendapati bahawa dalam bidang fonetik Bahasa Arab yang bermula pada zaman Khalil bin Ahmad al-Farahidi (170H) diteruskan pakar linguistik moden pada hari ini, mendapati bahawa terdapat beberapa huruf yang sukar disebut oleh orang Arab itu sendiri. Antara huruf-huruf yang sukar disebut ialah 'ayn (ع), *ha* (ح), *kha* (خ) dan *ghayn* (غ). Selain itu, terdapat juga murid yang keliru membunyikan bacaan apabila dimasukkan baris atas, bawah dan hadapan pada huruf hijaiyyah. Antara contoh yang ketara ialah pertukaran antara huruf *fa* (ف) dengan huruf *ba* (ب). Hal ini kerana terdapat segelintir murid terkeliru makhraj huruf *ba* dan *fa* di mana dua bibir dirapatkan secara ringan dan kedua-dua huruf berada pada lingkungan bibir mulut.

Tajwid

Tajwid berasal dari perkataan *Jawwada* di mana dari segi bahasanya bermaksud melakukan sesuatu dengan baik. Istilah syara' membawa erti ilmu yang boleh mengenalkan tempat bagi setiap huruf dengan memberi apa yang patut baginya iaitu dari aspek sifat huruf seperti panjang, pendek, tebal, nipis dan sebagainya. Ilmu tajwid ini juga bermaksud mampu menyampaikan sesuatu kesempurnaan setiap sebutan dari ayat al-Quran secara mendalam (Muhammad Mahmud, 2012). Menurut Abu Hamid Fauzi (2012) dari buku penulisannya yang bertajuk "*Zadul Qori Fi Tajwidi Kalamil Bari*", tajwid dari segi bahasa ialah perbaikan atau membaguskan dan penyempurnaan. Manakala dari segi istilah ilmu yang menerangkan sesuatu hukum serta kaedah yang perlu diterapkan ketika membaca al-Quran dengan cara memberi hak kepada setiap huruf baik dari segi makhraj, sifat, harakat tanpa unsur *takalluf* iaitu memberatkan diri. Para ulama berpendapat bahawa hukum mempelajari ilmu tajwid adalah fardhu kifayah namun mengamalkan hukum tajwid semasa membaca al-Quran adalah fardhu ain bagi setiap orang Islam yang mukallaf.

Hukum tajwid yang paling asas ialah Mad. Dari segi bahasa Mad diertikan sebagai tambahan manakala dari segi istilah ialah memanjangkan suara melalui salah satu daripada huruf Mad (Marzuki & Ummah, 2020). Terdapat tiga huruf Mad iaitu *Alif* (ا) kedua *Wau* (و) dan ketiga *Ya* (ي). Mad Asli merupakan asas kepada semua Mad iaitu memanjangkan suara semata-mata kerana adanya huruf-huruf Mad itu sahaja tanpa diikuti *Hamzah* (ء) atau huruf sakinah selepasnya. Ia juga dikenali dengan nama *Mad Tabi'e* kerana pada kebiasaannya, pembaca al-Quran akan membacanya dengan kadar dua harakat sama ada ketika sambung (*wasal*) atau berhenti (*waqaf*) (Muhammad Amri Amir, 2019).

Selain itu, menurut Mikyal Oktarina (2020) ruang lingkup tajwid asas yang lain dalam bacaan al-Quran melibatkan hukum Nun Mati atau Tanwin yang bertemu salah satu huruf hijaiyyah yang melibatkan *idzhar* (bacaan secara jelas), *idhgam bi ghunnah* (memasukkan huruf yang mati ke dalam huruf yang hidup di hadapannya disertai dengan dengung), *idgham*

bilaghunnah (memasukkan huruf yang mati ke dalam huruf yang hidup di hadapannya tanpa dengung), *iqlab* (memindahkan sesuatu dari keadaannya) dan yang terakhir ialah *ikhfa'* iaitu dengan (mengucapkan huruf yang sunyi dari tasydid dengan disertai dengung pada huruf yang pertama).

Makhraj

Kemampuan membaca al-Quran dalam kalangan kanak-kanak bergantung kepada kecekapan yang dimiliki dalam melafazkan huruf hijaiyyah atau dikenali dengan melantunkan makhraj huruf yang betul dan kecekapan membaca kalimah dan ayat dengan betul. Huruf-huruf hijaiyyah yang sukar disebut mengikut makhraj yang betul biasanya berada pada rongga tekak terutamanya huruf-huruf halqi (ح, خ, ع, غ). Makhraj ertinya tempat keluar. *Makharijul Huruf* adalah tempat keluarnya huruf-huruf hijaiyyah pada saat ia dilafazkan. Tempat keluar huruf al-Quran terdiri dari lima tempat iaitu *al-Jaufi* (Rongga Mulut), *al-Halqi* (Tenggorokan), *al-Lisani* (Lidah), *asy-Syafawi* (Bibir) dan *al-Khaisyhumi* (Pangkal Hidung) (Subhan Nur, 2009).

Menurut kajian Aso Sudiarjo et al., (2015) murid perlu mengenali huruf terlebih dahulu sebelum diperkenalkan dengan makhrajnya. Murid juga perlu diajarkan tentang keadaan huruf yang ingin diketahui makhrajnya samaada ia perlu dimatikan atau ditasydidkan, barulah dilantunkan dengan cermat. Di mana suara itu terputus, di situlah tempat makhrajnya. Untuk mempelajari makhraj setiap huruf, ia perlu dilaksanakan seiringan diantara teori dan amali bagi memastikan sebutan huruf yang dilantunkan benar-benar berada pada posisi yang betul. Oleh itu, apabila seseorang mampu membaca al-Quran sesuai dengan makhrajnya, maka ia dikira telah berupaya untuk membaca al-Quran dengan baik.

Huruf Hijaiyyah Bersambung

Sistem penulisan juga turut memainkan peranan kepada murid dalam proses mempelajari dan menguasai bacaan iqra'. Jika penulisan tidak jelas, ia sedikit sebanyak memberi keraguan kepada murid yang baru mengenal huruf (Ahmad Fuad et al., 2021). Huruf *Nun* (ن) bertitik satu diatas apabila berada dalam kalimah berlaku sedikit kekeliruan kepada murid kerana mereka beranggapan seolah-olah huruf tersebut ialah huruf *zhal* (ز). Hal ini kerana cara penulisan huruf *nun* (ن) ketika bersambung dilihat seolah-olah seperti huruf *zhal* (ز). Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya kemahiran huruf jawi di mana murid tidak mahir berkaitan dengan penyambungan huruf.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fuad et al., (2021) mendapati penerapan metod Al-Hira' yang diasaskan oleh Muhammad Roihan Nasution turut membantu dalam proses mengenal dan menguasai al-Quran yang mana ia menekankan cara bacaan huruf berbaris, mengenal dan membaca huruf bersambung dan cara yang betul dalam mengenal dan membaca huruf Mad Asli.

KEPENTINGAN PENGAJARAN CEPAT IQRA' TERHADAP PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN

Penurunan Al-Quran secara mutawatir kepada Nabi Muhammad S.A.W menjadi bukti bahawa kesucian al-Quran dipelihara oleh Allah S.W.T agar tidak berlaku penyimpangan dan perubahan walau sebaris ayat dan keistimewaan ini tidak dimiliki mana-mana kitab-kitab sebelumnya. Oleh itu, pembelajaran dan pembacaannya juga perlu dititikberatkan agar terpelihara daripada kesalahan. Pembacaan iqra' secara kerap dan berterusan setiap hari mampu memberi hasil yang positif kepada murid. Hal ini kerana ia dapat melatih lidah menyebut huruf dan makhraj yang betul. Pembinaan modul dan bahan pengajaran cepat iqra' yang menarik dan bersesuaian dengan tahap kemampuan murid mampu memberi manfaat yang berterusan kepada murid dan khususnya kepada guru. Kesan daripada amalan pengajaran dan bahan yang bermanfaat yang disediakan kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedikit sebanyak mampu memendekkan masa murid menguasai iqra' seterusnya dapat memberi tumpuan kepada bacaan al-Quran.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa penguasaan bacaan iqra' yang baik menjadi asas utama kepada kemampuan murid menguasai bacaan al-Quran dari aspek makhraj dan tajwid secara khususnya. Amalan pengajaran yang pelbagai dan usaha guru yang berterusan dalam usaha membantu murid menguasai bacaan al-Quran merupakan perkara yang perlu dipandang serius pelbagai pihak bagi merealisasikan hasrat utama (Kementerian Pendidikan Malaysia) KPM yang ingin memastikan murid tahun satu mampu khatam al-Quran pada penggal kedua sesi persekolahan. Walaubagaimanapun, penambahbaikan kaedah, sumber pengajaran dan kepelbagaian modul iqra' yang bersesuaian dengan murid dalam usaha untuk memastikan penguasaan bacaan al-Quran dengan baik perlu dilaksanakan secara berterusan. Selain itu, amalan pengajaran dan penguasaan bacaan al-Quran yang melibatkan makhraj dan hukum tajwid yang menjadi fokus utama dalam penulisan ini masih memerlukan kepada usaha yang gigih dari semua pihak khususnya guru Pendidikan Islam bagi melahirkan generasi yang mampu membaca al-Quran dan menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup. Menurut Norita Abd Aziz et al., (2021) membaca al-Quran dengan tajwid dan makhraj yang betul mampu memberi impak yang besar dalam memahami dan menghayati intipati yang terkandung dalam al-quran. Hal ini kerana isi kandungan al-Quran perlu dijadikan penanda aras dan pedoman hidup sepanjang zaman.

RUJUKAN

- Abdussabur Syahin. 2008. *Sejarah al-Quran*. Mesir: Nahdah PT Rhal Publika.
- Abu Zakariyya al-Farra. 2017. *Ma'ani al-Quran*. Kairo: Al-Quds.
- Ahmad Asmuni. 2017. Al-Quran dan Filsafat . *Jurnal Studi al-Quran dan al-Hadis* 5(1): 1-18.
- Al-Abyari Ibrahim. 1964. *Tarikh al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.

- Aminuddin Khalit. 2017. Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi Awal al-Quran dalam Kalangan Murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Disertasi Sarjana Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- As'ad Humam. 2005. *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca al-Quran Resam Uthmani*. Selangor: Darul Kitab Sdn Bhd.
- Azlina Amat Yasin. 2017. Amalan Inovasi Pengajaran Penguasaan Sifir dan Kemahiran Penyelesaian Masalah Matematik Murid Tahun 5. Disertasi Sarjana Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Concise English Dictionary. 2005. London: A & C Black.
- Hasan Anwi. 2007. *Kamus Besar Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. 2019. Inovasi Pengajaran untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(6): 8-17.
- Ibnu Khaldun. 2000. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ita Rosita & Rita Aryani. 2022. Upaya Meningkatkan Kemampuan Membaca al-Qur'an Melalui Metode Iqra' pada Santriwan/ Santriwati TPQ Nurushsholihin Pamulang Kota Tangerang Selatan 2(3):100-110.
- Kamus Dewan . 2014. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Modul Pengajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ma'mun M.A. 2018. Kajian Pembelajaran Baca Tulis al-Quran. *Jurnal Pendidikan Islam* 4(1): 2-10.
- Marzuki M. A & Ummah S.C. 2020. *Dasar-dasar Ilmu Tajwid*. Yogyakarta: Diva Press.
- Ma'rifatul Munjiah. 2009. *Imla' Teori dan Terapan*. Malang: UIN Maliki Press.
- Mawardi. 2005. *Pengantar Ulumul Qur'an*. Banda Aceh: Yayasan Pena.
- Mikyal Oktarian. 2020. Faedah Mempelajari dan Membaca al-Quran dengan Tajwid. *Serambi Tarbawi Jurnal Studi Pemikiran, Riset dan Pengembangan Pendidikan Islam* 8(2): 147-162.
- Mohd Aderi Che Noh. 2011. Pelaksanaan Kelas al-Quran di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan* 3. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. 2011. The Practice of Teaching Recitation of Quran: A Review on the Perception of Teachers at Daily Secondary Schools in Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1): 57-72.
- Mohd Azmir Mohd Nizah & Mohd Azrani Asran. 2015. J-QAF in Empowering Muslim Malaysian National Primary School Students: Issues and Challenges. *Elixir International Journal* 78(January): 29635-29637
- Mohd Nur Adzam Rasdi, Noornajihan Jaafar, Khairil Anuar Mohamad, Nur Badriah Omar, Norakyairee Mohd Raus, Mahyudin Hashim & Siti Rahmah Ahmad Razuan. 2017. Iqra Braille Sebagai Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Braille: Isu Ketidakeragaman Antara Dua Teks. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1(1):1-17.
- Muhammad Abdullah Darraz. 1980. *Al-Naba al-Adzhim: Nazhrat Jadidah fi al-Quran*. Kuwait: Dar al-Qalam.

- Muhammad Amri Amir. 2019. *Ilmu Tajwid Praktis*. Batam: Pustaka Baitul Hikmah Harun Ar-Rasyid.
- Muhammad Syekh al-Mahmud. 2012. *Ilmu Tajwid Terjemahan Kitab Hidayatul Mustafid. Pent, Ahmad Dimiyati Badruz-Zaman*. Surabaya: al-Miftah.
- Munir M.B & Ashoumi. 2019. Peran Ekstrakurikuler Bimbingan Membaca al-Quran (Bmq) dalam Meningkatkan Minat Baca al-Quran Siswa di MA Sunan Kalijaga Pakuncen Pationrowo Nganjuk. *Journal of Education and Management Studies* 2(6): 31-34.
- Nashiraton Fitriani Rahmi & Iman Tabroni. 2022. Application of The Iqra Method in Improving al-Quran Reading Ability. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Bestari (JPMB)* 1(8): 769-778.
- Nasution. 2009. *Berbagai Pendidikan dalam Proses Belajar Mengajar*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz. 2018. Faktor Penguasaan Pembelajaran al-Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4(2): 12-23.
- Norhisam Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani. 2019. Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pengajaran al-Quran wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak . *International Journal of Education Psychology and Counselling* 4(32): 273-283.
- Norita Abd Aziz, Mohamad Bazli Md Radzi, Natrah Mat Noor & Ying Leh Ling. 2021. Penguasaan Bacaan al-Quran Menerusi Tahsin al-Quran . *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal Isu Khas* 2(1): 51-58.
- Norsyida Mat Zin, Sidek Ariffin & Norhidayah Yusoff. 2014. Keberkesanan Teknik Iqra' dan al Baghdadi: Suatu Perbandingan . *Jurnal Usuluddin* 40: 51-69.
- Nur Atiqah Abdul Aziz & Noornajihah Jaafar. 2018. Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 2(2): 24-36.
- Syahuri. S. 2020. Pembelajaran Ilmu Tajwid dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca al-Quran bagi Santri. *Doctorial Dissertation*: IAIN Ponorogo.
- Siti Patonah Mohamad, Zulkifli Mohd Yusoff & Durriyah Syarifah Hasan Adli. 2014. Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran bagi Golongan Kelainan Upaya mental: Analisis dari Sumber Tradisi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1(8): 153-168.
- Torshen K.M. 1997. *The Mastery Approach to Competence-based Education*. New York.